**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 5 MEI 2020 (SELASA)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Harian Metro** | |
| - Lapan Bahan Kimia diguna nyah kuman | 8 |
| **News Straits Times** | |
| - Covid -19 test for all foreign workers | 9 |
| - Spectre of spike in dengue cases amid rainy season | 14 |
| - Step up anti dengue clean up ops,local council told | 14 |
| **Berita Harian** | |
| - Peniaga, pengusaha, majikan perlu patuh SOP | 4 |
| - Sikap waspada mulakan perniagaan, perkhidmatan | 6 |
| - PKPD Hulu Langat tamat | 8 |
| **The Star** | |
| - Staff not at full force at ministries and agencies | 2 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**05 MEI 2020 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Lapan Bahan Kimia diguna nyah kuman |
| Muka Surat | 8 |

HM 5/5/2020 ms 8

# Lapan bahan kimia diguna nyah kuman

**Putrajaya:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menggunakan lapan jenis bahan kimia dalam operasi sanitasi awam dan disinfeksi di tempat yang dikesan mempunyai penularan tinggi wabak Covid-19.

Lapan jenis bahan kimia itu termasuk etanol, natrium hipoklorit dan benzalkonium klorida digunakan dalam proses sanitasi awam di kawasan luar manakala disinfeksi dalam kawasan tertutup.

Ketua Pengarah JBPM Datuk Mohammad Hamdan Wahid berkata, sebelum menggunakan bahan itu, pihaknya mendapatkan nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan membuat rujukan terkini jurnal Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai jenis bahan kimia yang sesuai digunakan.

"Sebagai contoh, kami gunakan etanol dengan kandungan alkohol 60 peratus ke atas dan natrium hipoklorit 0.5 peratus penggunaannya untuk operasi berkenaan.

"Apabila kami membuat penyelidikan bahan kimia itu, didapati bahawa kelapan-lapannya terdapat di Malaysia dan boleh digunakan untuk tempat tertentu," katanya kepada Bernama di sini.

Mohammad Hamdan berkata, sebelum membuat proses campuran bahan kimia itu, pihaknya terlebih dahulu mendapat nasihat Jabatan Kimia untuk Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi memastikan sanitasi awam dan disinfeksi pada tempat awam mengikut protokol ditetapkan.

**Bomba mendapat nasihat Jabatan Kimia sebelum proses campuran bahan kimia dilakukan**

"Ini bermakna untuk melakukan penugasan nyah cemar ini bukannya boleh dibuat secara suka-suka dan ia perlu dibuat mengikut protokol kerana ia membabitkan bahan kimia.

"Setakat ini, JBPM membuat operasi nyah cemar di 130 zon yang dikenal pasti oleh KKM termasuk di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)," katanya.

Ditanya sama ada kawasan zon hijau juga terlibat operasi nyah cemar, beliau berkata, memang terdapat permintaan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri untuk membuat disinfeksi di kawasan zon hijau mereka.

"Ya, memang terdapat permintaan daripada mereka (PBT dan kerajaan negeri) untuk mendisinfeksi kerana kawasan zon hijau mereka berkemungkinan pernah dimasuki penduduk yang menetap di kawasan zon merah atau zon kuning.

"Oleh sebab itu, ada juga bangunan tertentu kami buat operasi nyah cemar berulang kali sebagai contoh kawasan Pasar Selayang, dekat Putrajaya, kerana ia merupakan zon merah Covid-19," katanya.

Selain itu, Mohammad Hamdan berkata, setakat 30 April lalu pihaknya sudah membuat 117 operasi sanitasi awam meliputi 41 zon iaitu 10 zon merah dan 31 zon kuning pelbagai negeri tertentu. - Bernama



ANGGOTA bomba mendengar taklimat sebelum melakukan semburan nyah kuman di kawasan PKPD di Menara City One, Kuala Lumpur tidak lama dulu.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>05 MEI 2020 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | News Straits Times |
| Tajuk Berita | Covid -19 test for all foreign workers |
| Muka Surat | 9 |

PRECAUTIONARY MEASURE

NST 5/5/2020 m/s 9

# COVID-19 TESTS FOR ALL FOREIGN WORKERS

Mandatory screening initially in KL, Selangor to be borne by bosses, says Ismail Sabri



*Foreign workers being screened for Covid-19 at the Selayang Wholesale Market in Kuala Lumpur on Saturday.* PIC BY ASWADI ALIAS

**KUALA LUMPUR**

FOLLOWING the increase in Covid-19 positive cases for two consecutive days at a construction site in Jalan Ampang here, foreign workers in all sectors must now undergo mandatory screening for the infectious disease.

Defence Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said this would be done as a precautionary measure to curb the spread of Covid-19.

He said at a meeting earlier yesterday, a decision was made to have foreign workers in all sectors, including restaurants, undergo Covid-19 testing.

He said the cost of the screening would be borne by employers.

He said the Health Ministry had suggested that the screening start here and in Selangor.

To curb the spread of the virus, Ismail Sabri said the Works Ministry had sealed off the site in Jalan Ampang. Other construction sites with Covid-19 positive cases would also be closed.

Meanwhile, on the return of Malaysians from Singapore, he said the number of people returning per day was still between 300 and 350.

He said there had been no mass return of Malaysians from Singapore.

On the undocumented migrants picked up in a raid over the weekend in Masjid India, Ismail Sabri said they had been sent to the Immigration depot, following the end of the Enhanced Movement Control Order (EMCO) in the area.

"Because the EMCO had already been lifted, they had no place to go. So we placed them in the Immigration depot"

On Sunday, the Immigration Department carried out another raid on illegal immigrants in the EMCO area at Masjid India, targeting the Selangor Mansion apartments which is believed to be the main dwelling location for foreigners in the area.

The raid was carried out in collaboration with the police, the Malaysian Armed Forces and the Health Ministry.

Ismail Sabri stressed that the government had the right to take action against immigrants living illegally in the country without valid documents and could not allow illegal immigrants to roam freely even if they had previously completed their Covid-19 quarantine in areas placed under EMCO.

The EMCO at Menara City One, Malayan Mansion, Selangor Mansion and the areas around Masjid India was lifted on Sunday.

He also said that the EMCO at the An-Nabawiyyah Tahfiz and a house in Batu 23, at Sungai Lui, Selangor would end today.

Ismail Sabri addedd that the EMCO at Pusat Bandar Utara here and the Kuala Lumpur wholesale market was only partially lifted as certain locations in these areas needed to remain under EMCO until May 12 on the Health Ministry's advice.

"The EMCO for Parcel A and B involving Jalan 6/3A and 9/3A, Pusat Bandar Utara, Kuala Lumpur, and the Kuala Lumpur wholesale market ended yesterday (Sunday).

"However, the EMCO on Parcel C, D, E and F has been extended until May 12, on the Health Ministry's advice."

He added that the EMCO on Selayang Baru, Gombak, was only lifted in Parcel A and B, while the EMCO for Parcel C, D, E and F would be extended until May 12, which was also on the Health Ministry's advice.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 05 MEI 2020 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | News Straits Times |
| Tajuk Berita | Step up anti dengue clean up ops,local council told |
| Muka Surat | 14 |

NST 5/5/2020 m/s 14

# Step up anti-dengue clean-up ops, local councils told

**KUALA LUMPUR:** All local councils nationwide will be directed to step up anti-dengue clean-up operations in areas under their respective jurisdictions following a surge in dengue cases.

Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin said yesterday the Health Ministry's Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) had warned that dengue cases usually start increasing in May and may spike after the monsoon season during July and August.

Zuraida said she will be issuing a circular to over 150 city, municipalities and district councils in the country soon to carry out the clean-ing-up works.



*Zuraida Kamaruddin*

She said while all eyes may be focused on the Covid-19 pandemic, the people should not forget about dengue which can also be fatal.

"I want all local councils to be on their toes as the threat of dengue must not be taken lightly during this Covid-19 pandemic.

"This is, especially so in Selangor and other areas, where the recorded cases are high."

Zuraida said local councils will also be directed to conduct checks on potential breeding grounds at construction sites, where all activities have been temporarily halted during the Movement Control Order (MCO).

She said it was crucial that stagnant rain water be removed to stop the Aedes mosquito from breeding.

Zuraida said she wanted local councils and other departments involved, such as health and building control, to coordinate their operations collectively. She added that they should focus their attention not just in residential areas but also in public places such as markets.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>05 MEI 2020 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Peniaga, pengusaha, majikan perlu patuh SOP |
| Muka Surat | 4 |

# Peniaga, pengusaha, majikan perlu patuh SOP

**Putrajaya:** Peniaga, pengusaha dan majikan perlu patuh prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Katanya, selagi semua pihak patuh SOP dan mengamalkan normal baharu dalam kehidupan seharian, rantaian penularan jangkitan COVID-19 akan dapat diputuskan.

Beliau menegaskan, perhimpunan ramai dan aktiviti yang mendedahkan orang awam kepada risiko jangkitan COVID-19 masih tidak dibenarkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang mula dikuatkuasakan semalam.

"Peniaga, pengusaha dan majikan perlu patuhi SOP ditetapkan kerajaan, rakyat di negeri atau wilayah menjalani PKPB diminta patuh kepada SOP. Syarat-syarat yang ditetapkan, orang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya perlu dilindungi.

"Individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan dan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu meter diamalkan setiap masa," katanya pada sidang media harian, di sini semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham sekali lagi mengingatkan orang ramai bahawa 'perang' melawan COVID-19 masih panjang dan semua pihak perlu berterusan berjuang menentang virus itu yang disifatkan musuh tidak kelihatan.

"Setiap individu perlu mempunyai kawalan kendiri demi melindungi diri dan orang yang dikasihi. Masyarakat perlu ambil tanggungjawab sosial, mainkan peranan masing-masing untuk mengamalkan normal kehidupan baharu di semua peringkat dan lapisan masyarakat.

"Ini agar ia menjadi amalan kita semua secara berterusan. Kementerian akan terus memantau kejadian jangkitan COVID-19 di Malaysia.

"Teruskan amalan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap basuh tangan dengan air dan sabun, amalkan jarak sosial selamat sekurang-kurangnya satu meter," katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>05 MEI 2020 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Sikap waspada mulakan perniagaan, perkhidmatan |
| Muka Surat | 6 |



Penularan COVID-19




***Orang ramai keluar membeli juadah*** *untuk berbuka puasa dengan mengamalkan penjarakan sosial di Medan Selera Sri Permaisuri, Kuala Lumpur semalam.*
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)



# Sikap waspada mulakan perniagaan, perkhidmatan

BA 5/5/2020 ms 6

## Premis swasta, kerajaan mula operasi hari pertama PKPB seluruh negara

**Kuala Lumpur:** Sebahagian perniagaan dan perkhidmatan, sama ada swasta atau kerajaan mula beroperasi pada hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) semalam di seluruh negara tetapi tidak secara besar-besaran.

Dalam semangat untuk mendapat pendapatan, sikap waspada terus diamalkan peniaga bagi mengekang penularan virus COVID-19.

Walaupun premis makanan dibenarkan beroperasi dan benarkan pelanggan makan di premis, rata-rata pengusaha masih kekal dengan konsep bungkus dan bawa balik.

Beberapa peniaga di Jalan Masjid India juga mula membuat persediaan bagi membuka perniagaan masing-masing.

Tinjauan mendapati rata-rata peniaga membersihkan kedai selepas menutup perniagaan sejak 18 Mac lalu.

Bagaimanapun hampir 70 peratus premis perniagaan masih belum dibuka dan berkemungkinan akan mula membuka kedai mereka dalam tempoh terdekat.

Peniaga kedai runcit, Sajahan Wahab 50, berkata, dia membuka perniagaannya pada jam 12 tengah hari dan kini dalam proses membersihkan kedai.

Tinjauan di sekitar ibu negara seperti di Kampung Baru mendapati beberapa premis makanan yang dibuka hanya menjual makanan untuk dibungkus dengan kelihatan ramai penghantar makanan bersedia menunggu melaksanakan tugas-tugas penghantaran.

Di Titiwangsa dan Sentul terdapat restoran makanan segera yang masih belum 'membuka pintu' kepada orang ramai untuk makan di dalam premis dan hanya membenarkan perkhidmatan secara secara pandu lalu dan penghantaran.

Bagaimanapun, terdapat beberapa kedai mamak dan restoran di sekitar Setapak dan Kampung Baru yang beroperasi secara *dine in*, dan rata-ratanya mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Sogo, Raymond Teo, berkata pengunjung pusat beli-belah itu dihadkan kepada 6,000 pada sesuatu masa berbanding 35,000 sebelum ini.

Kehadiran pengunjung akan dipantau berdasarkan pengiraan setiap pelanggan yang direkodkan di setiap pintu masuk dan keluar kompleks berkenaan.

Di **Putrajaya**, kebanyakan bangunan kerajaan menyediakan mesin pengimbas suhu untuk memeriksa suhu badan setiap individu sebelum dibenarkan memasuki pekarangan bangunan.

Selain itu, setiap pekerja di kementerian berkenaan bekerja secara bergilir-gilir dan hanya 10 individu dibenarkan berada di dalam pejabat yang sama pada satu-satu masa.

Walaupun sektor kerajaan kini sudah mula beroperasi, tinjauan mendapati TASKA yang terletak di kementerian berkenaan masih belum beroperasi.

Di **Johor Bahru**, tinjauan di Uda Bisness Centre didapati masih lengang biarpun terdapat deretan kenderaan di kawasan terbabit. Perniagaan dibuka bermula jam 10 pagi.

Malah, hampir separuh premis perniagaan di kawasan itu yang menjadi lokasi popular masyarakat setempat membeli keperluan Ramadan masih belum beroperasi.

Pengurus kedai tudung Hajra Johor Bahru, Siti Hajar Wagiran, 28, berkata pihaknya juga mengehadkan hanya tiga hingga empat pelanggan masuk pada satu-satu masa.

"Orang tidak ramai hari ini (semalam), mungkin hari pertama pelaksanaan PKPB. Tetapi dari sudut persiapan pihak kami sudah bersedia dengan beberapa langkah sewajarnya termasuk menyediakan cecair pembasmi kuman, catatan nama, nombor telefon serta alamat pelanggan sebelum memasuki kedai," katanya.

Jalan utama di sekitar bandar raya merekodkan pertambahan kenderaan mendadak semalam.

Tinjauan di Jalan Skudai yang menjadi laluan utama menghubungkan pusat bandar raya dengan beberapa kawasan perindustrian utama termasuk Tampoi dan Tebrau mendapati pertambahan kenderaan yang banyak berbanding jalan yang hampir lengang minggu lalu.

Di **Kangar**, laluan utama ke pusat bandar kembali dipenuhi kenderaan apabila orang ramai dibenarkan bekerja semalam.

Tinjauan mendapati orang ramai mula keluar dan memenuhi premis agensi kerajaan dan komersial bagi menjalankan aktiviti harian.

Ketua Polis Perlis, Datuk Surina Saad, berkata sekatan jalan raya di beberapa lokasi tumpuan di negeri ini masih dikekalkan.

"Hari ini (semalam) menjadi ujian kepada rakyat Perlis, jika mereka masih bersikap seperti sebelumnya dan tidak menjaga penjarakan sosial, kita akan kembali menutup jalan yang menuju ke arah tempat tumpuan," katanya.

Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dalam kenyataan berkata, operasi premis perniagaan berkaitan makanan masih tertakluk di bawah PKP sehingga arahan baharu dikeluarkan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN).

Di **Kuala Terengganu**, pelaksanaan PKPB di Terengganu bagaikan 'tiket' kepada orang ramai untuk keluar bersama ahli keluarga.

Tinjauan jam 10 hingga jam 1 petang mendapati kawasan pusat bandar yang selama ini lengang bertukar sesak dengan kenderaan.

Di **Kuching**, Jalan Penrissen, yang menjadi laluan utama menghubungkan pusat bandar raya ini sesak teruk pagi tadi, disebabkan pertambahan kenderaan yang mendadak.

Tinjauan mendapati kesesakan bermula daripada Batu 6 sehingga ke Batu 4 serta laluan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK).

Di **Alor Setar**, peniaga mula membuat persiapan membuka kembali operasi walaupun kerajaan negeri menangguhkan pelaksanaan PKPB.

Pekerja kedai kasut, Norsyazni Roshahida Sharil, 24, berkata dia diminta kembali bekerja mulai semalam selepas dihubungi majikannya semalam.

"Majikan meminta saya dan dua rakan melakukan kerja pembersihan termasuk menyemak harga kasut sebelum kedai kami dijangka dibenarkan kembali beroperasi," katanya.

Pekerja restoran makanan segera, Mohd Fitri Mohd Zakaria, 27, berkata mereka sudah empat hari melakukan kerja pembersihan termasuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

"Sebelum ini majikan memilih menutup restoran ini sementara berikutan ia beroperasi di pusat membeli belah, namun kami kembali beroperasi seperti biasa mulai hari ini (semalam).

Di **Kota Bharu**, peniaga di negeri ini akur dengan pengumuman kerajaan negeri yang masih mengekalkan PKP sehingga ia diputuskan pada Khamis ini.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>05 MEI 2020 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | PKPD Hulu Langat tamat |
| Muka Surat | 8 |

# PKPD Hulu Langat tamat

BH 5/5/2020 ms 8

## Perintah di beberapa lokasi sekitar KL turut ditarik balik




*Penduduk yang tinggal di Malayan Mansion keluar selepas kerajaan menarik balik arahan PKPD.*

**Putrajaya:** Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Hulu Langat dan beberapa kawasan di Kuala Lumpur ditamatkan kelmarin.

Ia membabitkan Sekolah Tahfiz An-Nabawiyyah dan sebuah rumah di Batu 23, Kampung Sungai Lui, Menara City One, Malayan Mansion, Selangor Mansion dan kawasan sekitar Jalan Masjid India.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata PKPD di Pusat Bandar Utara Kuala Lumpur atau berhampiran Pasar Borong Kuala Lumpur di Parcel A dan B membabitkan Jalan 6/3A dan Jalan 9/3A serta di Parcel A dan B di Selayang Baru juga ditamatkan semalam.

Beliau berkata, atas nasihat Menteri Kesihatan, PKPD di Parcel C, D, E dan F di kedua-dua kawasan Pusat Bandar Utara dan Selayang Baru, dilanjutkan hingga 12 Mei ini.

"Mengenai PKPD, saya ingin maklumkan PKPD di Menara City One, Malayan Mansion dan Selangor Mansion dan kawasan sekitar Jalan Masjid India, tamat semalam (kelmarin).

"Mereka bebas untuk bergerak. Sebab itu saya katakan semalam bahawa disebabkan PKPD tamat, pendatang asing tanpa izin sudah tiada tempat hala tuju.

"Sebab itu kita tempatkan di depoh imigresen," katanya pada sidang media harian selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sini, semalam.

Penguatkuasaan PKPD ke atas Sekolah Tahfiz An-Nabawiyyah dan sebuah rumah di Batu 23, Kampung Sungai Lui dilaksanakan sejak 29 Mac lalu, disambung sebanyak dua kali iaitu pada 14 April hingga 28 April dan 29 April hingga 3 Mei.

PKPD Menara City One; Malayan Mansion dan Selangor Mansion dilaksanakan 6 April lalu, manakala kawasan sekitar Jalan Masjid India dikuat kuasa mulai 14 April.

Pusat Bandar Utara dan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur, di Selayang pula dikenakan PKPD pada 20 April lalu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penamatan PKPD tidak bermaksud Kementerian Kesihatan menghentikan pemantauan di lokasi berkenaan.

"Walaupun PKPD ditamatkan, kita masih memantau kawasan terbabit, bukan ketika PKPD sahaja kita pantau.

"Sebaliknya pemantauan dilakukan secara berterusan bagi memastikan penularan COVID-19 dapat dibendung," katanya pada sidang media harian COVID-19 semalam.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>05 MEI 2020 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Staff not at full force at ministries and agencies |
| Muka Surat | 2 |

# Staff not at full force at ministries and agencies

TS ms 2 5/5/2020

**PUTRAJAYA:** The federal administrative capital remains a picture of calm as ministries and agencies are not seeing their staff returning to the office in full force to keep to the practice of social distancing.

The streets and buildings are still quiet although the conditional movement control order (MCO) allowed offices and businesses to resume operations.

Checks with several agencies and departments showed that most were operating with a minimum number of staff in the office while many others were working from home.

The Malaysian Anti-Corruption Commission has allowed "slightly more" officers to be in the office but the work schedule adopted since the start of the MCO on March 18, was still in place.

"Each department will have extra officers reporting for duty.

"They will come in for three days and will work from home on the remaining days. Then, another group of officers will be rotated to the office," said an official.

The Immigration Department, which is usually crowded, was




almost deserted despite its passport division resuming operations yesterday. The Youth and Sports Ministry saw only a partial workforce.

"The undersecretary of each department will determine who should come in and those working offsite as per a circular issued by the Public Service Department (PSD)," said a source.

However, Cuepacs claimed that the number of staff working in government offices was over 60%.

Expressing its concern, president Adnan Mat urged all department heads to take measures to ensure only minimal staff should report in.

"The work schedule should be restructured so that more civil servants can work from home. Only those whose work is in line with efforts to revive the economy should be working from the office," he said.

Adnan proposed that only healthy staff be given office duties for now while those with medical conditions such as diabetes and hypertension, as well as above 50, should work from home.

In a May 2 circular, PSD director-general Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman said department heads could take into account the safety and health of their staff by allowing them to work flexi hours in the office or work from home.

For civil servants who have children aged 12 and below, those with disabilities and need continued care, Khairul Adib said department heads could consider giving them an option to work from home.

"But if both husband and wife are civil servants, only one of them can be allowed to work from home until the schools and daycare centres reopen," he said.



**Back in business:** Customers sitting on unmarked benches to maintain their social distance while waiting to be served at the Immigration Department office in Putrajaya.